

BERITA HARIAN

DATE 30/5/2010

Kerajaan belum muktamad MBE

BM - 30/05/2010

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak menegaskan Model Baru Ekonomi (MBE) masih belum dimuktamadkan oleh kerajaan dan ia sebaliknya adalah cadangan pakar ekonomi untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara agar dapat bersaing pada peringkat global.

Perdana Menteri berkata, cadangan MBE bukan ber-

maksud kerajaan akan mengetepikan agenda pembangunan Melayu dan Bumiputera sebaliknya akan terus mendapatkan pendapat masyarakat Melayu dalam perkara itu bagi menjadikannya lebih dinamik bagi memantapkan ekonomi negara.

"MBE adalah cadangan golongan pemikir yang melihat sudut pasaran global tetapi

kita masih mendengar suara akar umbi berhubung perkara itu. MEB juga bukan bermaksud kita mengetepikan agenda Melayu sebaliknya mencari pendekatan dinamik yang akan memberi hasil yang lebih besar.

"Oleh demikian, orang Melayu janganlah khuatir...saya akan meneliti semua pandangan diberikan pelbagai pihak mengenainya, termasuk

Majlis Perundingan Melayu (MPM)," katanya berucap pada majlis penutupan Kongres Ekonomi Bumiputera MBE 2010 anjuran MPM di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), malam tadi.

Perdana Menteri berkata, rakyat khususnya Melayu tidak seharusnya sangsi bawakan beliau tidak mendengar isi hati orang Melayu dalam melaksanakan MBE.